

01 MAR 2000

Samy-Gaji

KABINET MAHU LAPORAN GAJI BULANAN PEKERJA LADANG MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Kementerian Sumber Manusia supaya menyiapkan laporan terperinci berhubung gaji bulanan pekerja ladang untuk dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet minggu depan.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, Perdana Menteri membuat arahan itu selepas perkara itu dibangkitkan oleh beliau dan Menteri Sumber Manusia Datuk Fong Chan Onn dalam mesyuarat mingguan Kabinet hari ini.

Samy Vellu menganggap perkembangan itu sebagai tanda positif, yang kelak akan memungkinkan lebih 200,000 pekerja ladang negara menikmati gaji bulanan.

"Dengan perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap isu itu, saya percaya perkara itu boleh diselesaikan dalam masa beberapa bulan akan datang atau sebelum hujung tahun ini," katanya.

"Walaupun soal gaji bulanan telah ditimbulkan oleh jemaah menteri banyak kali tetapi inilah kali pertama jemaah menteri menerima pandangan bahawa isu gaji bulanan adalah satu perkara penting yang mesti dikaji dan ditimbangkan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Kerja Raya di sini.

Samy Vellu berkata laporan Kementerian Sumber Manusia itu antara lain akan mengandungi butir-butir mengenai gaji pekerja ladang sejak lima tahun lepas untuk dijadikan kayu ukur apabila kajian gaji bulanan dibuat.

"Selepas laporan itu dibentangkan, Jemaah Menteri akan memutuskan bagaimana masaalah ini dapat diselesaikan," katanya.

Beliau berkata Persatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) telah memaklumkan kepadanya bahawa rundingan dengan Persatuan Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) berhubung gaji bulanan telah terputus kerana banyak perkara yang dicadangkan NUPW ditolak oleh MAPA.

Menurutnya isu gaji bulanan itu kini menjadi satu perkara yang sensitif kerana melibatkan kepentingan ramai pekerja ladang yang taraf hidup mereka tidak banyak berubah sejak se abad yang lalu.

Beliau berkata 39 peratus daripada pekerja ladang terdiri daripada kaum India, 38 peratus lagi kaum Melayu dan selebihnya pekerja kontrak atau rakyat asing.

Samy Vellu juga menasihatkan NUPW bersabar dan tidak mengambil tindakan berpiket seperti yang dirancang bagi memprotes kegagalan rundingannya dengan MAPA, dan menunggu sehingga keputusan laporan Kementerian Sumber Manusia dikeluarkan.

-- BERNAMA

RV NAK PR